

HANSATON scout 5.6

Panduan Pengguna



Perisian pemasangan HANSATON scout 5.6 akan selanjutnya dirujuk sebagai “HANSATON scout” atau “perisian pemasangan”.

Isi Kandungan

Struktur dan Navigasi	3
Pemilihan Aliran Kerja	4
Penyediaan Alat Bantu Pendengaran.....	5
Menu Klien	5
Menu Alat Bantu Pendengaran.....	6
Menu Pemasangan.....	8
Menu Pemasangan Tamat.....	10
Menu Pengelogan Data.....	11
Pilihan Paparan Lengkung	12
Menu Utama.....	12
Maklumat Keselamatan Penting.....	13
Maklumat Pematuhan dan Penerangan Simbol	16
Keperluan Sistem	19

Struktur dan Navigasi

Secara amnya, navigasi perisian pemasangan menghala dari atas ke bawah dan dari kiri ke kanan.

Pilihan Menu Utama

Fail.....	Import Klien Eksport Klien Cetak	Kemas Kini Perisian Simpan Tutup Sesi Tutup HANSATON scout
Alat Bantu Pendengaran.....	Simpan Mod Ujian Mod Pengesahan Kemas Kini Alat Bantu Pendengaran	Pembaikan / Penetapan Semula Alat Bantu Pendengaran Pemasangan Pemindahan Pemadaman Gandingan Wayarles
Pilihan.....	Keutamaan Konfigurasi iCube	Kemas Kini Perisian Tegar Aksesori Tukar Pek Bahasa uDirect 2
Bantuan.....	Bantuan dan Sokongan Dalam Talian Panduan Pengguna Cipta Sesi Latihan Hubungi Kami	Laman Web HANSATON Sokongan Pelabelan Perisian FDA (AS sahaja) Perihal DSL v5 Perihal HANSATON scout

Bar Alat

Bar alat terletak di penjuru atas sebelah kanan aplikasi. Fungsi ikon adalah seperti berikut:



Anak Tetingkap Paparan Pantas

Terletak di penjuru atas sebelah kanan, Anak Tetingkap Paparan Pantas memaparkan maklumat tentang status pemasangan alat bantu pendengaran. Setiap tab mengandungi maklumat tambahan tentang bahagian tertentu dan boleh dikembangkan dengan mengklik pada tanda tambah.

	Tab klien	Gambaran keseluruhan maklumat klien utama
	Tab sambungan	Status sambungan alat bantu pendengaran
	Tab amaran	Menyenaraikan semua mesej bantuan dan amaran yang telah berlaku semasa pemasangan semasa
	Tab Paparan Klien	Membolehkan paparan skrin yang berorientasikan klien pada monitor kedua semasa menggunakan perisian pemasangan

Kira

Klik butang Kira di bahagian atas sebelah kanan skrin untuk melihat semua perubahan yang belum selesai dan pilihan pengiraan semula. Fungsi ini akan mengira semula pemasangan berdasarkan data, seperti audiogram semasa, formula pemasangan dan akustik alat bantu pendengaran. Pilihan pengiraan lalai berbeza-beza bergantung pada perubahan yang belum selesai.



Butang Kira akan diserlahkan apabila pengiraan semula disyorkan semasa pemasangan.

Senyap / Nyahsenyap



Menunjukkan keadaan semasa alat bantu pendengaran: disenyapkan atau dinyahsenyapkan. Senyap / Nyahsenyap boleh dipilih untuk sebelah telinga atau kedua-dua belah telinga bagi setiap peranti dengan mengklik bahagian tengah butang. Bahagian tengah butang juga memaparkan persekitaran yang sedang aktif untuk alat bantu pendengaran.

Mod Pemasangan

Mod pemasangan boleh ditukar dengan mengklik pada butang dan memilih tetapan yang dikehendaki daripada kotak jantai bawah. Apabila maklumat klien dimasukkan dan umur klien ialah 18 tahun ke bawah, perisian pemasangan secara automatik akan menggesa anda supaya memilih pilihan mod pemasangan yang sesuai melalui tettingkap pop timbul.

Lalai mod pemasangan boleh diedit di bawah [Pilihan](#) > [Keutamaan](#) > [Sesi Pemasangan](#) > [Mod Pediatrik](#).

Pemilihan Aliran Kerja

Di penjuru kiri sebelah atas, perisian pemasangan ini menawarkan kemungkinan untuk memilih daripada dua jenis aliran kerja:

Aliran Kerja Klasik

Aliran kerja ini adalah untuk pemasangan lanjutan dengan akses terperinci kepada semua parameter.

Aliran Kerja FocussedFit

Aliran kerja berpandu yang cepat dan mudah dengan akses kepada parameter utama. Aliran kerja FocussedFit akan membimbing anda mengenai langkah-langkah yang diperlukan untuk sesi pemasangan awal.

Navigasi langkah-langkah ini dengan menggunakan butang [Seterusnya](#) dan [Kembali](#) di bahagian bawah skrin:

- | | |
|------------|---|
| Klien | Dalam Langkah 1, edit Maklumat Klien seperti Audiogram, Umur Klien dan tahap Pengalaman. |
| Pengesanan | Dalam Langkah 2, mengesan alat bantu pendengaran. Selepas alat bantu pendengaran dikesan, klik pada “Seterusnya” dan pilih atau sahkan tetapan akustik pada skrin seterusnya. |

Penalaan	Dalam Langkah 3, ubah suai tindak balas frekuensi menggunakan persepsi Kelantangan, Nada dan Pertuturan serta kawalan Aklimatisasi, jika berkenaan.
Konfigurasi	Dalam Langkah 4, tambahkan aksesori tambahan, konfigurasi kawalan pengguna alat bantu pendengaran, julat kawalan kelantangan, tetapan Bluetooth® dan bunyi bip.
Selesai	Dalam Langkah 5, anda akan mendapati ringkasan konfigurasi bagi alat bantu pendengaran. Skrin ini menyediakan pautan pantas ke Cetak, Simpan atau akses Kotak Alat Penalaan penuh dalam aliran kerja Klasik.

Penyediaan Alat Bantu Pendengaran

Noahlink Wireless™

Hidupkan alat bantu pendengaran dengan memasukkan bateri dan menutup pintu bateri atau, jika alat bantu pendengaran boleh dicas semula, tekan dan tahan bahagian bawah butang pada setiap alat bantu pendengaran selama 3 saat sehingga lampu penunjuk bertukar kepada hijau padat. Hal ini juga akan meletakkan unit dalam mod berpasangan, yang berlangsung selama 3 minit.

Jika disambungkan dengan alat bantu pendengaran yang tidak disimpan dalam sesi semasa, alat bantu pendengaran tersebut mestilah berada dalam mod berpasangan. Jika disambungkan dengan alat bantu pendengaran yang sudah disimpan dalam sesi semasa, alat bantu pendengaran tersebut tidak perlu berada dalam mod berpasangan.

NOAHlink™ / HI-PRO®

BTE/RIC: Buka pintu bateri dan masukkan kabel pengaturcaraan ke dalam port pengaturcaraan. Sambungkan sebelah lagi hujung kabel dengan NOAHlink atau HI-PRO (pada mulanya sesuai dengan kehilangan pendengaran sebanyak 40 dB HL yang dikonfigurasi untuk telinga kiri).

ITE: Keluarkan pintu bateri dan masukkan kabel pengaturcaraan. Sambungkan sebelah lagi hujung kabel dengan NOAHlink atau HI-PRO.

iCube II

Apabila menggunakan iCube II buat kali pertama, anda perlu mengkonfigurasi peranti pemasangan. Pilih Pilihan > Konfigurasi iCube dan ikut arahan pada skrin. Masukkan bateri ke dalam alat bantu pendengaran dan tutup pintu bateri. Letakkan alat bantu pendengaran di dalam gelung leher iCube II di atas meja atau letakkan iCube II di sekeliling leher klien anda dan letakkan alat bantu pendengaran pada telinga klien anda.

Menu Klien

Maklumat

Skrin ini memaparkan Ringkasan Klien, Ringkasan Sesi dan Aksesori.

Tahap Pengalaman

Tahap pengalaman yang dipilih akan mempengaruhi tetapan Aklimatisasi awal selepas pengiraan pemasangan awal dilakukan. Pilih antara Kali Pertama, Jangka Pendek / Sambilan, atau Jangka Panjang.

Audiogram

Klik pada graf untuk menambahkan ambang pada audiogram, atau klik kanan untuk pilihan tambahan. Transduser untuk audiometri boleh dipilih daripada menu jantai bawah. Selain itu, maklumat Padanan Tinitus yang diukur boleh dimasukkan di bahagian bawah skrin Audiogram.

RECD

Skrin ini memberikan pilihan untuk memasukkan nilai perbezaan telinga sebenar dengan pengganding (RECD) atau mengimport nilai tersebut jika nilai itu sudah wujud. Jika nilai RECD belum diukur, nilai purata yang bersesuaian dengan umur yang dijana oleh formula pemasangan terpilih akan digunakan. Klik butang **Masukkan RECD** untuk memasukkan nilai RECD.

REUG

Skrin ini memberikan pilihan untuk memasukkan nilai dapatan telinga sebenar teroklusi (REUG) atau mengimport nilai tersebut jika nilai itu sudah wujud. Jika nilai REUG belum diukur, nilai purata yang bersesuaian dengan umur yang dijana oleh formula pemasangan terpilih akan digunakan. Untuk melengkapkan skrin REUG, masukkan data untuk telinga yang berkenaan dengan mengklik pada graf. Tindakan mengklik kanan pada graf juga menyediakan pilihan untuk mengedit mata. Pilih **Gunakan Dimasukkan** untuk menggunakan data REUG yang dimasukkan dalam graf bagi sasaran formula pemasangan atau **Gunakan Purata** untuk menggunakan nilai purata REUG yang sesuai dengan umur.

Menu Alat Bantu Pendengaran

Pemilihan

Skrin Pemilihan memberikan pilihan untuk mengesan atau mensimulasikan alat bantu pendengaran. Untuk mengesan:

1. Pilih antara muka pengaturcaraan yang dikehendaki daripada menu jantai bawah.
2. Klik butang **Kesan** untuk melakukan pengesanan. Pastikan alat bantu pendengaran disediakan untuk pengesanan mengikut bahagian 'Penyediaan Alat Bantu Pendengaran' dalam panduan ini.
3. Sekiranya data dalam alat bantu pendengaran berbeza daripada data yang disimpan dalam perisian pemasangan, ikut gesaan untuk memilih pemasangan yang ingin digunakan.

Perubahan Teknologi

Skrin ini hanya tersedia dengan alat bantu pendengaran percubaan myChoice. Tindakan mengklik pada salah satu butang tahap teknologi akan melancarkan aliran kerja Tahap Perubahan Teknologi. Ikut arahan pada skrin untuk menukar tahap teknologi alat bantu pendengaran yang disambungkan. Aliran kerja akan memberikan pilihan yang berikut:

- **Pemasangan pemindahan:** Memindahkan struktur program, tindak balas frekuensi, akustik, status Aklimatisasi Pintar dan aksesori dalam sesi klien semasa kepada alat bantu pendengaran.
- **Cipta pemasangan baharu:** Menetapkan semula alat bantu pendengaran kepada lalai yang disyorkan.

Buat pilihan yang dikehendaki dan teruskan langkah-langkah dalam aliran kerja. Pengelogan data dalam alat bantu pendengaran akan hilang semasa proses ini.

Akustik

Konfigurasikan item seperti: gandingan, pelohongan, cangkuk telinga, tiub, pelekap telinga dan jenis penerima.

Alat bantu pendengaran BTE dan RIC

- Jika anda telah memesan acuan telinga atau cShell dengan smartVent, masukkan kod dan perisian pemasangan akan menggunakan pelohongan optimum secara automatik
- Untuk BTE pilih Tiub Biasa, Tiub Nipis atau Tiub Sangat Nipis (jika berkenaan):
 - Untuk BTE dengan Tiub Biasa (Cangkuk Telinga), pilih Pelekap Telinga dan saiz Bolong.
 - Untuk BTE dengan Tiub Nipis atau Tiub Sangat Nipis, pilih Pelekap Telinga, saiz Bolong dan Panjang Tiub.
- Untuk RIC pilih Penerima, Pelekap Telinga, Panjang Wayar (pilihan) dan Saiz Kubah (pilihan)
 - Dengan sesetengah produk, perisian pemasangan mengesan penerima secara automatik semasa proses pengesanan. Tekan butang Semak untuk menyemak secara manual bahawa penerima yang dipasang merupakan penerima yang telah anda pilih dalam perisian pemasangan.

Alat bantu pendengaran tersuai

Untuk alat bantu pendengaran tersuai, anda boleh mengkonfigurasikan bolong. Jika anda telah memesan produk tersuai dengan smartVent, perisian pemasangan akan membaca kod secara automatik dan menggunakan pelohongan yang optimum. Dengan pemasangan simulasi, anda boleh memilih jenis cangkuk dan penerima.

Aksesori

Skrin ini memaparkan aksesori yang serasi dengan alat bantu pendengaran yang dipasang. Pilih aksesori dan klik pada butang **sertakan dalam pemasangan** untuk menyertakan aksesori dalam pemasangan.

Prapemasangan

Praset Kuasa Super / Ultra (jika berkenaan)	Klasik: sedikit atau tiada pemprosesan isyarat dan tiada arah. Moden: amplifikasi yang lebih tinggi dengan tumpuan pada kebolehfahaman pertuturan dan pengurangan bunyi ambien. Aktif: tumpuan terletak pada kebolehfahaman pertuturan pada tahap keselesaan yang tertinggi.
Formula Pemasangan	Pilih formula pemasangan yang dikehendaki: BalanceFit, DSL v5 Adult, DSL v5 Pediatric, NAL-NL1, NAL-NL2 dan NAL-NL2 Tonal Language.
Strategi Pemprosesan	Dengan DSL v5 Adult atau DSL v5 Pediatric, pilih strategi pemprosesan yang dikehendaki: WDRC atau Linear. Pemilihan formula pemasangan yang lain memberikan pilihan pemprosesan WDRC sahaja. Dengan formula pemasangan BalanceFit, memilih Pemahaman Pertuturan Jelas memberikan pengurangan nisbah mampatan dan peningkatan MPO.

Strategi Pengurus Tinitus	Pilih strategi isyarat topeng tinitus yang dikehendaki. Bunyi topeng tinitus boleh dilihat dan dilaraskan dalam Pemasangan > Penalaan > kotak alat Pengurus Tinitus.
Strategi SoundRestore	Pilih sama ada untuk mengira strategi pemampatan frekuensi secara berasingan untuk alat bantu pendengaran kiri dan kanan.

InSituGram

Gunakan skrin InSituGram untuk menilai sensitiviti pendengaran dan tahap kelantangan yang tidak selesa melalui isyarat yang dijana oleh alat bantu pendengaran. Hasil pengukuran InSituGram boleh digunakan untuk menentukan sasaran formula pemasangan.

Klik pada butang **Mulakan InSituGram** untuk telinga yang ingin dinilai. Ikut aliran kerja in situ untuk melengkapkan ujian.

Menu Pemasangan

Penalaan Peribadi

Skrin ini menyediakan akses kepada parameter pemasangan utama.

Kelantangan	Laraskan kelantangan keseluruhan atau bunyi lembut / sederhana / kuat. Setiap langkah akan meningkatkan atau mengurangkan tetapan dapatan sebanyak 3 dB. Nota: Nilai sebenar dipaparkan sebagai petua alat apabila anda menuding pada kawalan.
Persepsi Nada dan Pertuturan	Laraskan keseimbangan nada atau laraskan dapatan untuk isyarat pertuturan dan suara sendiri.
Aklimatisasi	Jika tersedia, laraskan titik mula dan / atau tamat Aklimatisasi.

Penalaan

Pada skrin Penalaan, Semua Program sentiasa dipilih secara lalai; hal ini memastikan bahawa perbezaan relatif merentas semua program dikekalkan semasa membuat perubahan.

Tetapan boleh dilaraskan dengan mengklik pada kotak alat yang berkenaan.

Aklimatisasi Pintar	Pengurus Aklimatisasi Pintar akan diaktifkan apabila kotak semak dipilih. Perisian pemasangan menggunakan pengiraan proprietari untuk menentukan tetapan pengurus penyesuaian permulaan dan kadar penyesuaian untuk pemasangan.
Pengurus Oklusi	Pilih tetapan oklusi yang dikehendaki untuk menangani apa-apa aduan yang berkaitan dengan oklusi. Ciri ini secara lalai memberi kesan kepada semua program kecuali program muzik. Pilih kotak semak untuk mendayakan pengurus oklusi bagi program muzik.
Penggalak Bes (jika berkenaan)	Pilih tetapan yang dikehendaki untuk meningkatkan dapatan frekuensi dan MPO yang rendah (penekanan di bawah ~ 1 kHz).

Kawalan Lembut / Sederhana / Kuat	Pilih rantau frekuensi dan tahap input yang hendak diubah suai. Julat nilai pemasangan boleh dipilih sama ada dengan memilih input tertentu, kumpulan saluran atau memilih Semua. Untuk memilih berbilang rantau frekuensi untuk pelarasan, anda boleh mengklik dan menyeret merentasi jadual. Bar skrol di sepanjang bahagian bawah jadual membolehkan anda melihat rantau frekuensi yang berada di luar kawasan yang boleh dilihat.
Kawalan MPO / Dapatan / CR	Pilih rantau frekuensi dan jenis parameter yang hendak diubah suai. Jika tersedia, TK pertuturan lembut boleh digunakan untuk melaraskan dapatan bagi bunyi tahap rendah (ciri ini mesti didayakan dalam keutamaan sebelum ia boleh dilaraskan). Untuk memilih berbilang rantau frekuensi untuk pelarasan, anda boleh mengklik dan menyeret merentasi jadual. Bar skrol di sepanjang bahagian bawah jadual membolehkan anda melihat rantau frekuensi yang berada di luar kawasan yang boleh dilihat.
Penyama Aplikasi	Dalam pemasangan susulan, memilih program akan menunjukkan tetapan yang telah digunakan oleh klien pada program tersebut melalui aplikasi.
SoundRestore	Klik kotak semak Dayakan SoundRestore untuk mengaktifkan ciri ini. Bergantung pada produk, anda boleh melaraskan pemampatan frekuensi kepada tetapan yang dikehendaki menggunakan butang Lebih atau Kurang atau dengan melaraskan gelangсар Kebolehdengaran / Perbezaan dan Kejelasan Konsonan / Kualiti Vokal.
Nasihat Pemasangan	Pilih situasi tertentu dan kebimbangan untuk pelarasan yang disyorkan.
Pengurus Tinitus	Klik kotak semak Dayakan Pengurus Tinitus untuk mendayakan ciri ini. Klik kotak semak Gunakan kawalan klien untuk melaraskan tahap hingar untuk membolehkan klien melaraskan tahap hingar tinitus menggunakan kawalan alat bantu pendengaran mereka. Untuk memilih berbilang rantau frekuensi untuk pelarasan, anda boleh mengklik dan menyeret merentasi jadual. Bar skrol di sepanjang bahagian bawah jadual membolehkan anda melihat rantau frekuensi yang berada di luar kawasan yang boleh dilihat.

Konfigurasi Ciri

Pilih skrin Konfigurasi Ciri untuk melaraskan parameter penyesuaian dalam alat bantu pendengaran. Pilih program untuk melihat dan mengubah nilai parameter penyesuaian.

Pengurus Program

Skrin ini membolehkan anda untuk menambahkan atau mengalih keluar program manual, menyalin program, menamakan semula program, menukar susunan program dan menetapkan akses PhoneConnect / AutoDAI (apabila berkenaan). Untuk menambahkan program secara manual, klik anak panah di sebelah program yang berkenaan dalam bahagian Program yang Tersedia.

Pengoptimuman Maklum Balas

Pilih skrin Pengoptimuman Maklum Balas untuk menjalankan ujian maklum balas. Dalam kes apabila persekitaran boleh menjejaskan ujian (cth., lebihan hingar), hasilnya termasuk gabungan nilai yang diukur dan nilai ambang maklum balas yang diramalkan; status kemudiannya menunjukkan Tidak Lengkap. Tindakan mengulangi ujian akan menggantikan mana-mana nilai ramalan dengan nilai yang diukur jika nilai tersebut boleh didapati dengan pasti dalam persekitaran ujian semasa. Setelah ujian maklum balas selesai, dapatan alat bantu pendengaran adalah terhad seperti yang ditunjukkan pada graf iaitu:

- Garis hitam = ambang maklum balas
- Garis kelabu = had dapatan alat bantu pendengaran
- Garis hijau = dapatan sasaran untuk input nada tulen 50 dB
- Garis Merah atau Biru = dapatan terbantu untuk input nada tulen 50 dB

REM Automatik

REM automatik adalah sistem panduan automatik untuk pengukuran telinga sebenar (REM). Ia membimbing anda melalui aliran kerja langkah demi langkah penempatan tiub probe, mendapatkan pengukuran telinga sebenar, dan pepadanan sasaran automatik.

REM automatik tersedia apabila menggunakan perisian pemasangan dalam Noah.

Klik [R] / [Mulakan kedua-duanya] / [L] untuk memulakan REM Automatik. Aliran kerja kemudiannya akan membimbing anda melalui satu siri langkah.

Menu Pemasangan Tamat

Persediaan Alat Bantu Pendengaran

Pilih skrin Persediaan Alat Bantu Pendengaran untuk mengkonfigurasi fungsi kawalan pengguna pada alat bantu pendengaran. Selain itu, Persediaan Alat Bantu Pendengaran memberikan akses kepada parameter peranti lain melalui kotak alat di sepanjang bahagian bawah skrin:

Bluetooth	Edit nama alat bantu pendengaran seperti yang dilihat oleh peranti Bluetooth lain, dayakan/nyahdayakan Lebar Jalur Adaptif dan pilih telinga utama yang digunakan untuk Bluetooth.
TV Connector	Konfigurasi cara alat bantu pendengaran akan berfungsi apabila alat bantu pendengaran ini berada dalam julat TV Connector.
Tetapan Kelantangan	Pilih saiz langkah yang dikehendaki untuk peningkatan / pengurangan kawalan kelantangan.
Tetapan Permulaan	Pilih Program Permulaan dan Kelewatan Permulaan yang dikehendaki. Dayakan / nyahdayakan tingkah laku automatik untuk menghidupkan alat bantu pendengaran boleh dicas semula apabila alat bantu pendengaran dikeluarkan daripada pengecas (jika berkenaan).
Pengelogan Data	Pilih tingkah laku pengelogan data yang dikehendaki.
Pengecualian Togol Program	Pilih mana-mana program untuk dikecualikan daripada jujukan togol.

Sensitiviti Kawalan Ketikan	Jika berkenaan, konfigurasikan seberapa kuat klien perlu mengetik pada alat bantu pendengaran mereka untuk mengaktifkan kawalan ketikan.
-----------------------------	--

Bunyi Bip

Tunjukkan dan konfigurasikan bunyi bip pemberitahuan pengguna pada alat bantu pendengaran.

Persediaan Bunyi Bip	Pilih keamatan dan kekerapan bunyi bip untuk setiap telinga.
Pendayaan Bunyi Bip	Nyahpilih jenis pemberitahuan bunyi bip untuk menyahaktifkan pemberitahuan bunyi bip bagi klien.
Tempoh Percubaan (jika berkenaan)	Menunjukkan jumlah masa sebelum bunyi bip 'Tamat tempoh percubaan' dijana pada alat bantu pendengaran.

Ringkasan Pemasangan

Skrin Ringkasan Pemasangan menyediakan gambaran keseluruhan item berkaitan pemasangan utama untuk alat bantu pendengaran. Jadual menyediakan peluang untuk semakan akhir bagi tetapan pemasangan dan status umum sebelum menamatkan sesi. Jika dikehendaki, butiran tambahan boleh dilihat dengan mengklik butang [Maklumat Lanjut](#).

Skrin ini juga menyertakan pilihan untuk [Cetak](#), [Simpan](#) atau [Tutup Sesi](#).

Menu Pengelogan Data

Pengelogan Data

Skrin ini memberikan wawasan tentang cara klien berinteraksi dengan alat bantu pendengaran. Graf di bahagian tengah skrin menunjukkan peratusan masa yang diluahkan dalam pelbagai jenis persekitaran pendengaran. Jadual memberikan maklumat yang berkaitan dengan purata penggunaan dan pelarasan kawalan kelantangan merentas semua program. Skrin ini juga memaparkan sejarah daripada sesi terdahulu dan tempoh penggunaan klien.

Lifestyle Analyzer

Skrin ini memberikan gambaran keseluruhan tentang gaya hidup pendengaran klien. Semua masa yang diluahkan dalam situasi pendengaran dunia sebenar akustik diklasifikasikan oleh alat bantu pendengaran dan dipetakan kepada persekitaran pendengaran yang ditentukan.

Sejarah	Lihat sejarah Lifestyle Analyzer daripada sesi terdahulu.
Perbandingan Tahap Teknologi	Memaparkan tahap teknologi semasa dan tahap alternatif yang tersedia.
Skor	Setiap tahap teknologi mempunyai dua skor – satu untuk Liputan dan satu untuk Prestasi.
Skrin Liputan	Menunjukkan data daripada alat bantu pendengaran tentang sejauh mana tahap teknologi dioptimumkan untuk persekitaran

pendengaran iaitu tempat klien meluangkan masa mereka. Kotak di bawah bar menunjukkan peratusan masa yang telah diluangkan oleh klien dalam setiap persekitaran pendengaran.

Skrin Prestasi

Pilih sama ada Tinggi atau Rendah di bawah Kerumitan Pendengaran.

Untuk persekitaran Kerumitan Pendengaran Tinggi, Arah Pertuturan menunjukkan sejauh mana tahap teknologi boleh menguruskan pertuturan dari arah yang berbeza berdasarkan gaya hidup pendengaran peribadi klien.

Untuk persekitaran Kerumitan Rendah, Kesedaran Bunyi menunjukkan sejauh mana tahap teknologi memberikan kesedaran tentang pertuturan dan bunyi lain di sekeliling klien.

Pilihan Paparan Lengkung

Semua lengkung yang dipaparkan dalam perisian pemasangan, selain graf Pengoptimuman Maklum Balas, adalah berdasarkan sasaran yang dijana dengan mengandaikan input pertuturan. Pada mana-mana skrin yang memaparkan graf, tukar paparan dengan mengklik ikon paparan lengkung di atas graf kanan sebelah atas. Pelarasan yang dibuat di sini digunakan pada kedua-dua graf kiri dan kanan.

Bergantung pada bahagian perisian pemasangan, terdapat pilihan berbeza yang tersedia untuk pemilihan.

Menu Utama

Pilihan Menu Utama digariskan dalam bahagian Struktur & Navigasi panduan ini. Berikut merupakan butiran tentang beberapa item menu.

Mod Pengesahan

Mod Pengesahan boleh didapati di bawah [Alat Bantu Pendengaran > Mod Pengesahan](#). Hal ini menetapkan alat bantu pendengaran ke dalam mod pengesahan untuk membolehkan ujian tanpa gangguan ciri penyesuaian. Terdapat 3 pilihan:

- Ciri penyesuaian aktif: keadaan lalai
- Pengesahan Telinga Sebenar: semua ciri dinyahdayakan kecuali Pengurusan Bunyi Langsung dan pemilihan input
- Pengesahan Pengganding 2cc: semua ciri penyesuaian dan pemilihan input dinyahdayakan

Pemasangan Pemindahan

Aliran kerja Pemasangan Pemindahan boleh diakses melalui [Alat Bantu Pendengaran > Pemasangan Pemindahan](#). Pemasangan Pemindahan membantu dalam memindahkan pemasangan kepada atau daripada alat bantu pendengaran yang lain.

Cipta Sesi Latihan

Mod Latihan digunakan untuk menunjukkan fungsi penuh setiap skrin seolah-olah alat bantu pendengaran disambungkan. Sesi Latihan boleh diakses pada Menu Utama di bawah Bantuan > Cipta Sesi Latihan.

Pilih klien, kemudian cipta sesi latihan. Anda boleh mensimulasikan keseluruhan aliran kerja pengesanan alat bantu pendengaran serta ujian seperti ujian Pengoptimuman Maklum Balas. Anda juga boleh mensimulasikan maklumat Pengelogan Data termasuk Lifestyle Analyzer, jika berkenaan. Sesi Latihan tidak dapat disimpan.

Maklumat Keselamatan Penting

Perisian pemasangan HANSATON scout ialah peranti perubatan. Oleh hal yang demikian, penggunaan produk ini mempunyai risiko kecederaan tertentu. Dengan itu, adalah penting bahawa hanya HCP yang bertauliah boleh menggunakan perisian pemasangan HANSATON scout mengikut panduan pengguna ini dan mereka memahami serta mengambil kira amaran yang terkandung di sini.

Tujuan penggunaan:

Perisian pemasangan sendiri ini bertujuan untuk digunakan oleh profesional penjagaan pendengaran bertauliah untuk mengkonfigurasi, memprogram dan memasang alat bantu pendengaran mengikut keperluan khusus individu yang berkenaan.

Panduan pengguna ini memberikan pengenalan terperinci tentang pemasangan alat bantu pendengaran dengan HANSATON scout. Versi elektronik boleh didapati di <https://www.hansaton.com/instr>.

Pengguna sasaran:

Profesional penjagaan pendengaran bertauliah.

Populasi pesakit sasaran:

Perisian ini adalah bertujuan untuk pesakit yang mengalami kehilangan sebelah dan kedua-dua belah pendengaran, ringan hingga teruk atau dalam gabungan dengan tinitus kronik, yang memerlukan pemasangan alat bantu pendengaran. Tinnitus Balance ditujukan kepada pesakit dari umur 18 tahun dan ke atas.

Indikasi:

Harap maklum, indikasi bukan didapati daripada perisian pemasangan, tetapi daripada alat bantu pendengaran yang serasi. Indikasi klinikal am untuk penggunaan alat bantu pendengaran dan topeng tinitus ialah:

- Kehilangan pendengaran
 - Sebelah atau kedua-dua belah telinga
 - Konduktif, saraf deria atau campuran
 - Ringan hingga teruk
- Kehadiran tinitus kronik (hanya untuk alat bantu pendengaran yang menawarkan topeng tinitus)

Kontraindikasi:

Harap maklum, kontraindikasi bukan didapati daripada perisian pemasangan, tetapi daripada alat bantu pendengaran yang serasi. Kontraindikasi klinikal am untuk penggunaan alat bantu pendengaran dan topeng tinitus ialah:

- Kehilangan pendengaran tidak berada dalam julat pemasangan alat bantu pendengaran (iaitu, dapatan, tindak balas frekuensi)
- Tinitus akut
- Kecacatan bentuk telinga (iaitu, saluran telinga tertutup, ketiadaan aurikel)
- Kehilangan pendengaran saraf (patologi retro-koklea seperti saraf pendengaran tidak hadir/tidak berdaya maju)

Kriteria utama untuk rujukan pesakit bagi pendapat dan/atau rawatan perubatan atau pakar lain adalah seperti berikut:

- Kecacatan telinga sejak lahir atau traumatik yang boleh dilihat
- Sejarah saliran aktif dari telinga dalam tempoh 90 hari sebelumnya
- Sejarah kehilangan pendengaran secara tiba-tiba atau progresif dalam satu atau kedua-dua belah telinga dalam tempoh 90 hari sebelumnya
- Pening akut atau kronik
- Beza ambang udara-tulang audiometri sama dengan atau lebih tinggi daripada 15 dB pada 500 Hz, 1000 Hz dan 2000 Hz
- Bukti yang boleh dilihat tentang pengumpulan serumen yang ketara atau bendasing dalam saluran telinga
- Sakit atau ketidakselesaan di bahagian telinga
- Rupa gegendang telinga dan saluran telinga yang tidak normal seperti:
 - Keradangan saluran pendengaran luaran
 - Gegendang telinga yang berlubang
 - Keabnormalan lain yang dipercayai oleh HCP merupakan kebimbangan perubatan

HCP boleh memutuskan bahawa rujukan tidak sesuai atau demi kepentingan terbaik pesakit apabila perkara berikut terpakai:

- Apabila terdapat bukti yang mencukupi bahawa keadaan itu telah disiasat sepenuhnya oleh pakar perubatan dan apa-apa rawatan yang mungkin telah disediakan.
- Keadaan itu tidak bertambah buruk atau berubah dengan ketara sejak siasatan dan/atau rawatan sebelumnya.
- Jika pesakit telah memberikan keputusan mereka yang termaklum dan cekap untuk tidak menerima nasihat bagi mendapatkan pendapat perubatan, adalah dibenarkan untuk meneruskan agar mengesyorkan sistem alat bantu pendengaran yang sesuai tertakluk pada pertimbangan berikut:
 - Pengesyoran tersebut tidak akan mengakibatkan apa-apa kesan buruk terhadap kesihatan atau kesejahteraan umum pesakit
 - Rekod mengesahkan bahawa semua pertimbangan yang diperlukan berkenaan dengan kepentingan terbaik pesakit telah dibuat. Jika dikehendaki oleh undang-undang, pesakit telah menandatangani penafian untuk mengesahkan bahawa nasihat rujukan tidak diterima dan bahawa ia merupakan keputusan termaklum.

Had penggunaan:

Penggunaan perisian pemasangan HANSATON scout adalah terhad untuk memasang dan melaraskan peranti yang serasi. Perisian pemasangan HANSATON scout bukan ditujukan untuk apa-apa tujuan diagnostik.

Alat bantu pendengaran yang serasi:

PLATFORM	FAKTOR BENTUK
HANSATON FOKUS	Semua faktor bentuk yang dikeluarkan
STRATOS	Semua faktor bentuk yang dikeluarkan
EXCITE PRO	Semua faktor bentuk yang dikeluarkan
EXCITE	Semua faktor bentuk yang dikeluarkan
SPHEREHD	Semua faktor bentuk yang dikeluarkan
EASEHD	Semua faktor bentuk yang dikeluarkan
EASE	Semua faktor bentuk yang dikeluarkan
FLOW+	Semua faktor bentuk yang dikeluarkan
FLOW	Semua faktor bentuk yang dikeluarkan

Kesan sampingan:

Harap maklum, kesan sampingan bukan didapati daripada perisian pemasangan, tetapi daripada alat bantu pendengaran yang serasi.

Kesan sampingan fisiologi alat bantu pendengaran, seperti tinitus, pening, pembentukan serumen, tekanan terlalu tinggi, berpeluh atau lembapan, lepuh, gatal-gatal dan/atau ruam, tersumbat atau penuh dan akibatnya seperti sakit kepala dan/atau sakit telinga, mungkin dapat diselesaikan atau dikurangkan oleh profesional penjagaan pendengaran anda. Alat bantu pendengaran konvensional berpotensi untuk mendedahkan pesakit kepada tahap pendedahan bunyi yang lebih tinggi, yang mungkin mengakibatkan anjakan ambang dalam julat frekuensi yang terjejas oleh trauma akustik.

Manfaat klinikal:

Manfaat untuk pesakit ialah perisian pemasangan menyediakan keupayaan untuk menetapkan tetapan alat bantu pendengaran kepada keperluan individu dan menyimpan tetapan tersebut pada alat bantu pendengaran. Manfaat untuk profesional penjagaan pendengaran adalah berkaitan dengan pengurusan pesakit.

Risiko:

Dalam kes perisian pemasangan ini, risiko ini dapat dilihat melalui alat bantu pendengaran yang mahu diprogramkan. Iaitu, perisian pemasangan itu sendiri tidak boleh membahayakan pengguna (HCP) atau pemakai alat bantu pendengaran secara langsung tetapi penggunaannya (atau penyalahgunaan) boleh mengakibatkan:

- alat bantu pendengaran yang telah diprogramkan secara salah yang diberikan kepada pesakit dan/atau
- bunyi kuat yang memudaratkan yang disampaikan melalui alat bantu pendengaran kepada pesakit semasa sesi pemasangan / sesi demonstrasi.

Risiko ini adalah sangat rendah, walau bagaimanapun, kedua-dua HCP dan pemakai alat bantu pendengaran harus menyedari akan risiko tersebut.



MPO yang tinggi

MPO keseluruhan bagi alat bantu pendengaran melebihi 132 dB (simulator telinga)



Tahap hingar Pengurus Tinitus yang tinggi

Tahap penjana hingar pada kedua-dua alat bantu pendengaran melebihi 80 dB(A).
Berhati-hati dengan program yang disenaraikan.



Masalah penerima

Penerima yang disambungkan dan yang dipilih tidak sama. Pilih penerima yang betul.



Maklumat sisi yang salah

Alat bantu pendengaran dikonfigurasi untuk bahagian yang bertentangan. Benarkan perubahan sisi.



Tetapan ujian

Tanggalkan alat bantu pendengaran daripada telinga klien. Data pemasangan boleh dipulihkan pada penghujung proses.

Maklumat Pematuhan dan Penerangan Simbol

Maklumat pematuhan

Eropah: Pengisytiharan Pematuhan

Sonova AG dengan ini mengisytiharkan bahawa produk ini memenuhi keperluan Peraturan Peranti Perubatan (EU) 2017/745.

Panduan pengguna boleh diakses melalui fungsi **Bantuan** dalam perisian pemasangan. Panduan pengguna bagi semua versi perisian pemasangan dalam semua bahasa yang berkenaan, dalam bentuk elektronik boleh diakses melalui halaman web:

<https://www.hansaton.com/instr>

Untuk mendapatkan salinan kertas percuma bagi arahan penggunaan, sila hubungi wakil pengilang tempatan anda. Salinan akan dihantar dalam masa 7 hari selepas menerima permintaan anda.

Apa-apa insiden serius yang telah berlaku berkaitan dengan produk ini, hendaklah dilaporkan kepada wakil pengilang dan pihak berkuasa kompeten negeri kediaman. Insiden serius digambarkan sebagai apa-apa insiden yang secara langsung atau tidak langsung telah mengakibatkan, mungkin telah mengakibatkan, atau mungkin akan mengakibatkan mana-mana perkara yang berikut:

- kematian pesakit, pengguna atau orang lain
- kemerosotan serius sementara atau kekal terhadap keadaan kesihatan pesakit, pengguna atau orang lain
- ancaman kesihatan awam yang serius

Notis keselamatan

Data pesakit merupakan data peribadi dan perlindungan data pesakit adalah penting:

- Pastikan sistem pengendalian anda adalah terkini
- Pastikan versi perisian pemasangan yang dipasang adalah terkini
- Pastikan log masuk pengguna Windows diaktifkan, gunakan kata laluan yang kuat dan rahsiakan kelayakan
- Gunakan perlindungan perisian hasad dan antivirus yang mencukupi serta terkini

Bergantung pada undang-undang negara, anda mungkin dikehendaki untuk menyulitkan semua data pesakit agar anda tidak dipertanggungjawabkan sekiranya berlaku kehilangan dan/atau kecurian data. Anda boleh menggunakan penyulitan pemacu (cth., Microsoft BitLocker percuma) untuk melindungi semua data pada PC anda. Jika bekerja di bawah Noah, pertimbangkan untuk menggunakan penyulitan pangkalan data Noah.







Pastikan data anda disimpan dengan selamat sepanjang masa. Harap maklum bahawa penyenaian ini tidak lengkap.






- Apabila memindahkan data melalui saluran yang tidak selamat, sama ada menghantar data tanpa nama atau menyulitkan data.
- Lindungi sandaran data bukan sahaja daripada kehilangan data tetapi juga daripada kecurian data.
- Alih keluar semua data daripada medium data yang tidak lagi digunakan atau akan dilupuskan.

Penyelenggaraan perisian

Kami sentiasa memantau maklum balas daripada pasaran. Jika anda mengalami apa-apa masalah dengan versi perisian pemasangan yang terkini, sila hubungi wakil pengilang tempatan anda.

Penerangan simbol

	Dengan simbol CE, Sonova AG mengesahkan bahawa produk ini memenuhi keperluan Peraturan Peranti Perubatan (EU) 2017/745. Nombor selepas simbol CE sepadan dengan kod institusi yang diperakui yang telah dirujuk di bawah peraturan yang disebutkan di atas.
 Nama, alamat, tarikh	Gabungan simbol “pengilang peranti perubatan” dan “tarikh pembuatan” seperti yang ditakrifkan dalam Peraturan EU (EU) 2017/745.
	Menunjukkan wakil Sah dalam Komuniti Eropah. EC REP juga merupakan pengimport ke Kesatuan Eropah.
	Menunjukkan bahawa peranti itu ialah peranti perubatan.
	Menunjukkan nombor katalog pengilang supaya peranti perubatan dapat dikenal pasti.
	Petunjuk bahawa arahan kegunaan elektronik tersedia.

	<p>Simbol ini menunjukkan bahawa pengguna perlu membaca dan mengambil kira maklumat yang berkaitan dalam panduan pengguna ini.</p>
	<p>Memberikan penjelasan lanjut tentang ciri atau fungsi.</p>
	<p>Menunjukkan sekatan terhadap fungsi atau menyerlahkan maklumat penting yang memerlukan perhatian anda.</p>
	<p>Menunjukkan bahawa sesuatu tidak kena telah berlaku dan memerlukan pembetulan untuk meneruskan.</p>
	<p>NOAHSEAL pengesahan sijil HIMSA.</p>

Keperluan Sistem

Sistem pengendalian	<ul style="list-style-type: none">• Windows 11, Home / Pro / Enterprise / Education• Windows 10, Home / Pro / Enterprise / Education
Pemproses	Intel Core atau prestasi yang lebih tinggi
RAM	8 GB ke atas
Ruang cakera keras	4 GB ke atas
Resolusi skrin	1280 x 1024 piksel
Resolusi paparan sekunder pesakit	1366 x 768 piksel
Kad grafik	16 juta (24bit) warna skrin atau lebih
Port COM bersiri	Satu untuk HI-PRO jika digunakan melalui port COM bersiri
Port USB	<ul style="list-style-type: none">• Penyesuai Bluetooth• Pengaturcaraan aksesori• HI-PRO USB / HI-PRO 2 / iCube II / Noahlink Wireless
Satu untuk setiap tujuan	
Antara muka pengaturcaraan	<ul style="list-style-type: none">• iCube II• NOAHlink / Noahlink Wireless• HI-PRO / HI-PRO USB / HI-PRO 2
Pemacu Noahlink	Versi terkini tersedia
Pemacu Noahlink Wireless	Versi terkini tersedia
Sambungan Internet	Sangat disyorkan
Kad bunyi	Stereo
Sistem main semula	20 Hz - 14 kHz
Versi NOAH	Versi terkini (NOAH 4.4.2280 ke atas) Sila semak had NOAH untuk sistem pengendalian Windows di http://www.himsa.com
REM Automatik	Noah Versi 4.4.2280 ke atas Natus® Otosuite 4.81.00 ke atas Auditdata Primus versi 4.1-5.2 Interacoustics Affinity Suite versi 2.19-2.24 Signia Unity versi 5.9-6.2

Tanda kata dan logo Bluetooth® merupakan tanda dagangan berdaftar yang dimiliki oleh Bluetooth SIG, Inc. dan apa-apa penggunaan bagi tanda tersebut oleh Sonova AG adalah di bawah lesen.



Sonova AG • Laubisrütistrasse 28 •
CH-8712 Stäfa • Switzerland

hansaton.com

sonova
HEAR THE WORLD



Sonova Deutschland GmbH
Max-Eyth-Str. 20
70736 Fellbach-Oeffingen • Jerman



058-5237-056
HANSATON scout 5.6



Panduan pengguna ini boleh digunakan untuk HANSATON scout 5.6 dan subversi perisian pemasangan HANSATON scout 5.6 yang terkini. Untuk mendapatkan versi panduan pengguna perisian pemasangan yang terdahulu, sila pergi ke hansaton.com/instr.

028-6725-A5 V4.00/2024-04/cz ©2024 Sonova AG or it's affiliates. All rights reserved